

The screenshot shows the homepage of BH Media Rujukan Massa. At the top, there's a navigation bar with categories like BERITA, SUKAN, DUNIA, HIRUAN, JENIS, BENCANA, GAYA HIDUP, SIHAT, #MARILOKAL, 1KLASSIFIEDS, and others. Below the navigation is a search bar and social media links. A banner for Samsung Vision AI is visible. The main content area features a headline: "Harga sawit tinggi dorong peningkatan hasil TH Plantations". The article is by Nur Amira Mohd Hidzir and was published on May 23, 2025, at 4:38pm. There are also social media sharing buttons.



TH Plantations Bhd (THP).

KUALA LUMPUR: TH Plantations Bhd (THP) mencatatkan pendapatan sebanyak RM179.1 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2025, meningkat 14 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Peningkatan itu didorong oleh harga purata realisasi yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah (MSM), isirung sawit (PK) dan buah tandan segar (FFB), meskipun jumlah jualan ketiga-tiga komoditi utama itu mencatatkan penyusutan.

Namun begitu, keuntungan sebelum cukai (PBT) kumpulan susut 7.6 peratus kepada RM25.5 juta, terutamanya disebabkan oleh keuntungan nilai saksama yang lebih rendah ke atas aset biologi, kerugian pertukaran mata wang asing belum direalisasi, serta kekurangan tenaga kerja mahir dalam aktiviti penuaan.

Keuntungan itu tidak termasuk kesan daripada keuntungan nilai saksama ke atas aset biologi dan kerugian pertukaran asing belum direalisasi, manakala PBT operasi kumpulan meningkat sebanyak 37 peratus berbanding suku sama tahun lalu, mencerminkan prestasi teras yang lebih kukuh.

Ketua Pegawai Eksekutif THP, Mohamed Zainurin Mohamed Zain, berkata kumpulan akan terus memberi tumpuan kepada peningkatan hasil, mekanisasi dan inisiatif pengoptimuman kos bagi memperkuuh daya tahan operasi selaras dengan pelan perniagaan strategik lima tahun syarikat.

"Strategi utama termasuk memperluaskan aktiviti penanaman semula dengan bahan berkeupayaan hasil tinggi, mempercepatkan usaha pendigitalan dan meningkatkan pematuhan alam sekitar, sosial and tadbir urus (ESG) selaras dengan piawaian kemampahan global."

"THP komited untuk memberi nilai jangka panjang kepada pemegang taruh sambil memastikan pertumbuhan yang bertanggungjawab dan mampan dalam operasinya," katanya dalam satu kenyataan.

Dari sudut positif, keadaan bekalan telah bertambah baik baru-baru ini, manakala harga MSM mula menyusut ke paras terendah tahun ini, sekali gus memberi kesan langsung kepada prestasi THP yang bergantung kepada turun naik harga komoditi sebagai pemain huluan tulen.

THP kekal berhati-hati namun optimis terhadap prospek industri, disokong oleh permintaan yang stabil terhadap minyak sawit serta mengambil langkah hadapan untuk mengurangkan ketidaktentuan dan kelembapan harga MSM.

Mohamed Zainurin berkata, melainkan berlaku sebarang keadaan yang tidak dijangka, kumpulan menjangkakan prestasi kewangan yang memuaskan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 dan optimis dengan kemampuan strategi serta inisiatif semasa untuk menangani cabaran yang berterusan.